Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2025, Volume 10, Issue 7, e003514
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i7.3514

RESEARCH ARTICLE

Amalan Mengurus Keperluan Murid oleh Pentadbir dengan Tahap Kehadiran dan Pencapaian Akademik Murid B40

(Administrators' Practice in Managing Students' Needs and B40 Students' Attendance and Academic Achievement Levels')

Norshahera Zulkifli[1*], Bity Salwana Alias[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p131498@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: bity@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Norshahera Zulkifli
(p131498@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Kehadiran
Pencapaian akademik
Amalan mengurus keperluan murid
Pentadbir sekolah
Murid B40

KEYWORDS:
Attendance
Academic achievement
Student needs management practices
School administrators
B40 students

CITATION:
Norshahera Zulkifli, & Bity Salwana Alias. (2025). Amalan Mengurus Keperluan Murid oleh Pentadbir dengan Tahap Kehadiran dan Pencapaian Akademik Murid B40. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 10*(7), e003514. https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i7.3514

ABSTRAK

Isu ketidakhadiran murid ke sekolah dan pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan murid B40 merupakan salah satu cabaran dalam landskap pendidikan di Malaysia yang berupaya menyumbang kepada isu keciciran murid. Keperluan murid yang tidak dipenuhi menjejaskan motivasi, minat dan penglibatan mereka dalam pembelajaran. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengukur hubungan amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif melibatkan 24 buah sekolah menengah kebangsaan dari 4 zon di Semenanjung Malaysia yang dipilih melalui teknik persampelan kluster dan rawak mudah dengan 409 orang murid sebagai responden kajian. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi melalui ujian korelasi Pearson dengan menggunakan perisian SPSS versi 29.0. Dapatan menunjukkan amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir berada pada tahap sederhana (min=3.37, SP=0.667), manakala tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 berada pada tahap tinggi (min=3.45, SP=0.603). Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang sangat lemah tetapi signifikan pada aras signifikan $p<0.05$ ($r=0.113$, $p=0.022$). Kajian ini memperkukuh kesesuaian dan aplikasi Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) yang relevan dan praktikal untuk digunakan dalam konteks mengurus dan memenuhi keperluan murid secara lebih holistik. Pengurusan keperluan murid yang efektif dalam kalangan pentadbir memberi kesan kepada kehadiran murid yang lebih konsisten dan pencapaian akademik murid yang lebih cemerlang. Penemuan kajian memberi justifikasi bahawa keperluan murid perlu dipenuhi bermula keperluan asas

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

hingga sempurna kendiri terutama bagi murid B40 yang sering terdedah kepada risiko keciciran yang lebih tinggi.

ABSTRACT

The issue of student absenteeism and low academic achievement among B40 students is one of the challenges in the Malaysian education landscape that contributes to the issue of student dropouts. Unmet student needs negatively impact their motivation, interest, and engagement in learning. Therefore, this study was conducted to measure the relationship between administrators' practice in managing student needs and the attendance and academic achievement levels of B40 students. This quantitative study involved 24 national secondary schools from 4 zones in Peninsular Malaysia selected through cluster and simple random sampling techniques, with 409 students as respondents. The instrument used was a questionnaire. Data were analysed descriptively and inferentially using Pearson's correlation test with SPSS version 29.0. The results indicate that the practice of managing student needs by administrators is at a basic level (min=3.37, SD=0.667), while the attendance and academic achievement levels of B40 students are at a high level (min=3.45, SD=0.603). Pearson's correlation analysis showed a very weak but significant positive relationship at the $p<0.05$ significance level ($r=0.113$, $p=0.022$). This study reinforces the relevance and practical application of Maslow's (1954) Theory in the context of managing and fulfilling students' needs in a more holistic manner. Effective management of students' needs among administrators has an impact on more consistent student attendance and better academic achievement. The study's findings justify that student needs must be met, starting from basic needs to self-actualisation, especially for B40 students who are often exposed to higher risks of dropout.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam menilai sejauh mana pentadbir mengamalkan pendekatan pengurusan yang berasaskan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) untuk memenuhi keperluan murid bagi meningkatkan kehadiran dan pencapaian akademik murid dengan berkesan serta menyokong kualiti pengurusan murid yang berfokus kepada murid berisiko seperti B40.

1. Pengenalan

Kehadiran dan pencapaian akademik murid merupakan dua indikator penting untuk menilai risiko keciciran dalam kalangan murid. Hal ini selaras dengan yang ditakrifkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) iaitu keciciran merujuk kepada murid yang masih bersekolah dan mengikuti sistem pendidikan tetapi memperlihatkan kemungkinan untuk meinggalkan sistem persekolahan lebih awal dari tempoh yang sepatutnya. Murid yang meninggalkan pendidikan formal tanpa mencapai standard tertentu yang diperlukan sebelum tamat pendidikan di peringkat menengah atas juga didefinisikan sebagai keciciran murid (Danggat et al., 2024). Dokumen Garis Panduan

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) menggariskan murid yang berisiko cicir dilihat melalui tujuh kriteria utama iaitu ketidakhadiran murid ke sekolah secara berterusan, pencapaian akademik murid yang rendah, masalah disiplin, jarak tempat tinggal ke sekolah, tahap pendapatan isi rumah, status ibu bapa atau penjaga dan status orang kurang upaya (OKU). Berdasarkan konteks ini, ketidakhadiran murid ke sekolah merujuk kepada keciciran murid dalam aspek pendidikan, manakala pencapaian akademik yang rendah pula merujuk kepada keciciran murid dalam aspek pembelajaran. Kedua-dua bentuk keciciran ini memberi pengaruh besar terutamanya kepada murid B40.

Di peringkat global, laporan UNESCO Institute for Statistics (2018) mencatatkan lebih 244 juta kanak-kanak dan remaja seluruh dunia berada di luar sistem pendidikan. Jumlah murid tidak bersekolah secara global hanya berkurang sebanyak 1% dalam sepuluh tahun bermula 2015 yang menjangkau 251 juta kanak-kanak dan remaja pada tahun 2024 mengikut laporan UNESCO (2024). Sehubungan itu, usaha untuk mengatasi isu pendidikan di peringkat global diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan 4: Pendidikan Berkualiti *(Sustainable Development Goal 4, SDG4)* yang menggariskan keperluan setiap individu untuk mendapat peluang pendidikan secara inklusif dan adil serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat menjelang tahun 2030 (Annie Jerry & Mohd Muslim, 2024; Sacco & Le Rose, 2022; Awang Hashim et al., 2024). Inisiatif di bawah SDG4 memberi tumpuan kepada penyediaan pendidikan wajib dan percuma, memperluas akses pendidikan awal kanak-kanak, memastikan kesamataraan pendidikan tanpa mengira latar belakang sosioekonomi dan memperkukuh asas literasi dan numerasi murid. Inisiatif ini dirangka bertujuan sebagai usaha untuk meningkatkan tahap kehadiran murid ke sekolah dan meningkatkan prestasi akademik murid yang lebih cemerlang.

Di Malaysia, laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 Tahun 2022 menunjukkan usaha kerajaan untuk meningkatkan kehadiran dan pencapaian akademik murid di peringkat sekolah menengah. Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) telah melaksanakan Program *Outreach* Murid-Cicir melalui pemantauan peratus kehadiran dan pencapaian akademik bagi mengesan murid yang berisiko cicir yang memperlihatkan seramai 1,711 orang murid berjaya kembali ke alam persekolahan. Modul Kajian Kes Intervensi Kaunseling Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir turut diterbitkan sebagai rujukan kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan untuk menangani keciciran murid dengan berkesan. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) juga bertanggungjawab untuk menjalinkan kerjasama dengan agensi agensi luar melalui Ops Sifar Cicir dan penubuhan Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Menengah (JPEM) bagi menyokong usaha mengurangkan kadar keciciran murid. Pada tahun 2023, kerajaan membangunkan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiKPM) yang dirintis pada 2024, bertujuan untuk mengesan kanak-kanak dalam umur persekolahan agar tidak tercicir dan merangka intervensi yang bersesuaian bagi mengembalikan mereka ke sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024). Namun begitu, persoalannya adalah sejauhmanakah pelaksanaan program dan intervensi yang dilaksanakan mampu meningkatkan kehadiran dan pencapaian akademik murid B40.

Beberapa penemuan kajian terdahulu menunjukkan bahawa peranan pentadbir dalam mengurus keperluan murid adalah signifikan dalam usaha untuk meningkatkan kehadiran dan pencapaian akademik murid. Kajian yang dijalankan oleh Nazirah Alias et

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

al. (2024) memperlihatkan bahawa faktor persekitaran dan kepimpinan pentadbir sekolah yang menyokong keperluan murid mempengaruhi kehadiran murid untuk ke sekolah Kajian oleh Nazira et al. (2023) pula menemukan bahawa intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah yang menyokong keperluan emosi dan psikologi murid B40 berpotesi meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran. Di samping itu, kajian oleh Nur Zalikhaa' (2024) menekankan bahawa kehadiran murid yang rendah dan pencapaian akademik murid yang kurang memuaskan dipengaruhi oleh kekurangan sokongan daripada pentadbir, guru dan ibu bapa, namun persekitaran sekolah yang kondusif dan diselia oleh pentadbir dengan berkesan berupaya mengurangkan risiko keciciran murid. Kajian oleh Jinol Maijin dan Musirin (2025) pula menunjukkan kejayaan murid B40 yang cemerlang dalam aspek pendidikan dan pembelajaran dipengaruhi oleh kepimpinan pentadbir sekolah yang responsif terhadap keperluan murid. Oleh itu, penemuan kajian-kajian terdahulu menegaskan bahawa peranan pentadbir yang aktif dan responsif dalam mengurus keperluan murid B40 adalah penting untuk menyokong kehadiran murid yang konsisten dan pencapaian akademik yang memberangsangkan.

Amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dapat dijelaskan dengan lebih terperinci melalui kerangka Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954). Teori ini menjelaskan bahawa keperluan manusia perlu dipenuhi dengan lima tingkat keperluan bermula keperluan asas, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan keperluan sempurna kendiri. Maslow (1943) menegaskan keperluan manusia mestilah dipenuhi berdasarkan tingkat keperluan agar dapat mencipta kebahagiaan dan kepuasan dalam kehidupan. Tingkat keperluan paling rendah yang telah dipenuhi akan membina motivasi diri untuk mencapai kepuasan kendiri yang tinggi (Hasnizawati et al., 2008). Maslow (1943) turut menekankan bahawa keperluan individu di tingkat paling tinggi tidak dapat dipenuhi sekiranya tangkat paling bawah tidak dipenuhi terlebih dahulu. Justeru, amalan mengurus keperluan murid dalam pendidikan perlu mengambil kira aspek keperluan ini untuk menangani isu berkaitan pendidikan murid B40. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengukur hubungan antara amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir berdasarkan lima tingkat keperluan dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Dapatan kajian ini dijangka dapat memberi nilai tambah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempertimbangkan aplikasi Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) bagi memenuhi keperluan murid dalam konteks dan sistem pendidikan di Malaysia.

1.1. Permasalahan Kajian

Isu pendidikan dalam kalangan murid B40 terus menjadi cabaran pendidikan yang semakin meruncing dalam landskap pembangunan sosial negara kini. Murid yang berlatarbelakangkan keluarga B40 seringkali berhadapan dengan pelbagai isu untuk mendapatkan peluang pendidikan sehingga menyebabkan mereka terdedah kepada risiko keciciran. Nor Adli et al. (2023) dalam kajiannya berpandangan bahawa keluarga yang hidup dalam kemiskinan menyebabkan ramai murid keciciran dalam pendidikan dan menyumbang kepada berlakunya jurang pendidikan di dalam negara. Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha meningkatkan akses kepada pembelajaran untuk merapatkan jurang pendidikan rakyat Malaysia (Norfarahzatul et al., 2022). Namun begitu, jurang pendidikan di Malaysia kini masih memperlihatkan bahawa murid B40 cenderung menghadapi masalah kehadiran yang tidak konsisten ke sekolah dan pencapaian akademik yang rendah akibat tekanan sosioekonomi, kekurangan sokongan

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pembelajaran dan motivasi kendiri yang lemah. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan akses dan kesamarataan peluang pendidikan, namun kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 di sekolah masih kurang memberangsangkan dan meletakkan mereka dalam kelompok berisiko.

Di Malaysia, murid daripada kumpulan B40 sering kali dikaitkan dengan isu ketidakhadiran dan pencapaian akademik rendah. Kumpulan B40 merangkumi 40% isi rumah berpendapatan terendah dengan had pendapatan RM5250.00 sebulan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Rancangan Malaysia Ke-11 melaporkan 2.7 juta rakyat Malaysia merupakan kumpulan B40 dengan 56% menetap di bandar dan 44% di luar bandar (Azman Ab Rahman et al., 2023). Justeru, RMK-11 menyasarkan sekurang-kurangnya 1% belia miskin bandar memiliki kelayakan minimum di peringkat ijazah sarjana muda (Norfarahzatul et al., 2022). Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Wajib dirangka untuk menjamin akses pendidikan berkualiti diberikan secara adil dan saksama tanpa mengetepikan mana-mana murid dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pelbagai bentuk bantuan seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) telah disediakan untuk menyokong murid daripada keluarga yang kurang berkemampuan. Namun demikian, masih terdapat sebahagian murid dari kumpulan B40 yang ketinggalan dalam pembelajaran dan sistem pendidikan sehingga meletakkan mereka ke dalam kelompok murid yang berisiko.

Kementerian Pendidikan Malaysia turut memperkenalkan dasar pendidikan percuma pada 2012 dengan sasaran kategori pendapatan berdasarkan kumpulan seperti *Below 40 (B40), Middle 40 (M40)* dan *Top 20 (T20)* (Norfarahzatul et al., 2022). Walaupun dasar ini telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan, namun kadar keciciran murid di dalam negara masih terus meningkat. Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) mencatatkan kadar keciciran murid di Malaysia terus meningkat tanpa penjelasan yang kukuh tentang faktor yang menyumbang kepada isu tersebut. Kementerian Pendidikan Malaysia juga didapati tidak secara terperinci menilai dan mengambil kira elemen-elemen penting seperti lokasi tempat tinggal murid, kawasan kejiranan dan tahap ketersampaian pendidikan yang mungkin memberi kesan kepada dasar tersebut (Danggat et al., 2024). Kekurangan dokumentasi koleksi empirikal berkaitan isu keciciran murid juga membataskan perangkaan strategik untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menangani isu keciciran murid (Azlin Norhaini & Zabidah, 2020). Justeru, terdapat keperluan untuk mengisi jurang ini agar pendekatan dan intervensi yang lebih bersasar dapat dirangka untuk mengurangkan risiko keciciran dalam kalangan murid B40 dengan meningkatkan kehadiran dan pencapaian akademik mereka.

Ketidakhadiran murid ke sekolah merupakan indikator utama yang diukur oleh kebanyakan penyelidik untuk mengenal pasti murid yang berisiko cicir. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan beberapa dapatan kajian terdahulu (KPM, 2018; Sacco & Lee Rose, 2022; UNICEF, 2022) yang menekankan bahawa ketidakhadiran murid ke sekolah merupakan kriteria utama yang menjadi penanda aras murid cicir. Menurut Baker, Taylor dan Hall (2011), ketidakhadiran murid ke sekolah disebabkan oleh faktor keluarga, faktor sekolah, faktor ekonomi dan murid sendiri. Berbeza dengan pandangan Azizi Yahya et al. (2007) dan Mohamed Sharif dan Hazni (2010) yang menyatakan ketidakhadiran murid ke sekolah disebabkan oleh faktor guru dan persekitaran sekolah, media elektronik, rakan sebaya, sikap murid dan keluarga (Azlin Norhaini & Zabidah,

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2020). Menurut Huang dan McKeown (2022) pula ketidakhadiran murid ke sekolah berlaku disebabkan pelbagai punca seperti terlibat dalam tingkah laku bermasalah, devian dan bekerja sambil belajar (Annie Jerry & Mohd Muslim, 2024; KPM, 2018; Awang Hashim et al., 2024; Koc et al., 2020). Hal ini mendorong kepada pembentukan tingkah laku tidak bermoral dalam diri murid dan turut memberi kesan kepada tahap kehadiran dan prestasi akademik mereka.

Beberapa dapatan kajian terdahulu turut menemukan ketidakhadiran murid ke sekolah berlaku disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman seperti faktor sekolah, faktor guru, faktor keluarga, faktor komuniti, faktor rakan sebaya dan faktor kendiri murid (Annie Jerry & Mohd Muslim, 2024; Morshidi & Jusoh, 2019; Norfarahzatul et al., 2022; Awang Hashim et al., 2024; Anpazagan et al., 2025). Sebahagian besar kajian terdahulu menekankan bahawa faktor keluarga adalah penyumbang utama murid tidak hadir ke sekolah. Kajian oleh Erne Hayaty dan Bity Salwana (2023) menekankan murid memerlukan sokongan pendidikan untuk memotivasikan diri mereka hadir ke sekolah dan menunjukkan minat serta komitmen terhadap pembelajaran. Penemuan ini disokong oleh Azlina et al. (2023) yang menunjukkan kehadiran murid meningkat secara signifikan dengan pelaksanaan intervensi yang sesuai untuk memotivasikan murid hadir ke sekolah dan menggalakkan peningkatkan prestasi akademik murid yang lebih baik. Berdasarkan konteks ini, pelaksanaan intervensi yang berkesan perlu dirancang dengan mengambil kira aspek pengurusan keperluan pendidikan murid secara holistik seperti yang digariskan dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954). Namun demikian, kajian yang menyoroti aspek amalan mengurus keperluan murid berdasarkan teori Maslow (1954) masih terhad.

Kajian ini merupakan sebuah bentuk kajian tinjauan melalui pendekatan kuantitatif dan dilaksanakan di 24 buah sekolah menengah kebangsaan yang terletak di Semenanjung Malaysia. Instrumen kajian ini adalah dengan menggunakan soal selidik dengan pengukuran skala likert lima mata. Fokus kajian ini adalah terhadap murid tingkatan 3 dan tingkatan 4 yang dikenal pasti oleh pihak sekolah sebagai murid berisiko cicir yang dikesan melalui tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid. Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) digunakan sebagai asas untuk mengukur amalan mengurus keperluan murid dalam kalangan pentadbir. Tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 diukur dengan merujuk kepada dokumen Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Kajian ini secara keseluruhannya meneliti bagaimana pendekatan pengurusan yang sistematik dan menyeluruh oleh pentadbir dalam memenuhi keperluan murid mampu mempengaruhi murid hadir ke sekolah dan meningkatkan pencapaian akademik mereka. Artikel ini seterusnya akan membincangkan tentang objektif kajian, sorotan literatur, metodologi kajian, hasil kajian, perbincangan dan implikasi kajian. Cadangan kajian lanjutan juga turut dinyatakan untuk dijalankan berdasarkan lompong kajian yang ditemui.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengukur hubungan antara amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Terdapat tiga objektif utama yang digariskan dalam kajian ini iaitu:

i. Mengenal pasti tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954).
ii. Mengenal pasti tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

iii. Menentukan hubungan antara amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40.

2. Sorotan Literatur

Pengurusan keperluan murid merupakan sebuah proses pengendalian sumber manusia untuk memberi motivasi dan keyakinan kepada murid bagi meningkatkan kehadiran dan pencapaian pendidikan mereka. Menurut Sonia (2010) keberkesanan pengurusan sumber manusia di sekolah bergantung kepada sejauhmana pengurus sumber manusia mampu menguasai ilmu, pengalaman dan kemahiran pengurusan dalam pendidikan. Semasa menetapkan rangka kerja yang akan dilaksanakan, pengurus sumber manusia juga perlu mengambil kira isu pengurusan sumber manusia (Ku, 2018). Keberkesanan amalan pengurusan sumber manusia seharusnya selaras dengan objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Amalan ini perlu mengambil kira keperluan manusia berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) yang secara langsung mempunyai perkaitan dengan objektif PPPM 2013-2025 (Fatimah & Jamalul Lail, 2023). Amalan pengurusan sumber dan keperluan manusia membolehkan sistem pendidikan berfungsi dengan baik dan menyokong keberkesanan pelan pendidikan negara. Berdasarkan konteks pengurusan sekolah, pentadbir berperanan sebagai pengurus sumber manusia yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan intervensi bagi memenuhi keperluan murid secara menyeluruh. Intervensi yang dijalankan perlu diselaraskan dengan pendekatan teori Maslow (1954) agar usaha untuk meningkatkan kehadiran dan pencapaian akademik dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Kerangka kerja bagi amalan pengurusan pentabiran sekolah dibangunkan bertujuan untuk melancarkan pelaksanaan fungsi pengurusan dan pentadbiran sekolah secara lebih efisien dan berkesan (Farrah & Zahari, 2024). Menurut Abdul Halim (1999), pentadbir sekolah perlu memastikan setiap proses pelaksanaan aktiviti yang diuruskan menyokong keberkesanan intervensi yang dilaksanakan. Proses ini berupaya memberi impak positif kepada murid seperti yang ditetapkan dalam standard pengukuran. Khaliza et al. (2016) pula menekankan pentadbir sekolah perlu mengamalkan gaya kepimpinan dan pendekatan pengurusan yang berkesan untuk menyokong perkembangan murid secara menyeluruh. Hal ini berikutan murid merupakan aset negara yang harus dibangungkan secara seimbang sebagai persediaan untuk menjadi pemimpi masa depan (Muhammad Rahawaluddin & Bity Salwana, 2021). Pengurusan dan pentadbiran sekolah yang berkesan dan efisien merupakan asas kepada kejayaan dalam membentuk insan yang cemerlang dari segi kemahiran dan kualiti peribadi. Pentadbir sekolah perlu memiliki matlamat yang jelas serta keupayaan membuat keputusan agar setiap intervensi pendidikan yang dilaksanakan mencapai objektif yang disasarkan. Pentadbir bertanggungjawab menyelaras persekitaran sekolah yang kondusif dengan memastikan sumber manusia dan kemudahan sekolah dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk menyokong pertumbuhan murid.

Namun demikian, Sebastian dan Allensworth (2012) dalam kajiannya memperlihatkan bahawa pentadbir sekolah masih gagal melonjakkan prestasi akademik murid terutamanya murid yang berpencapaian rendah dan sederhana. Keseimbangan antara tanggungjawab pentadbiran dan kokurikulum oleh pentadbir sekolah amat penting dalam pengurusan sekolah yang berkesan (Muhammad Rahawaluddin & Bity Salwana, 2021). Ketidakseimbangan ini boleh menyebabkan sebilangan murid yang berprestasi rendah dan sederhana mengalami keciciran dalam perkembangan akademik mereka.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Murid yang tidak mendapat sokongan yang cukup dari segi akademik mahupun kokurikulum berisiko untuk ketinggalan dalam proses pembelajaran. Hal ini memberi kesan jangka panjang kepada tahap prestasi murid dari segi akademik dan perkembangan emosi, sosial serta kemahiran yang diperlukan oleh murid. Oleh itu, pentadbir perlu memastikan murid mempunyai sokongan yang cukup untuk menggalakkan murid hadir ke sekolah dan mencapai potensi akademik yang optimum. Pemantauan berterusan terhadap prestasi murid menyediakan sokongan yang diperlukan secara keseluruhan.

Dapatan kajian terdahulu mengesahkan bahawa pengurusan murid yang berisiko dapat dipertingkatkan melalui pendekatan yang berasaskan keperluan murid secara individu. Kajian kuantitatif oleh Anniliza et al. (2023) yang membincangkan tentang pelaksanaan amalan pengurusan berasaskan sekolah menunjukkan bahawa pentadbir mempunyai kuasa autonomi yang membolehkan mereka merancang strategi intervensi berasaskan keperluan murid. Pengurusan keperluan murid yang sistematik oleh pentadbir berkolerasi positif dengan peningkatkan kehadiran murid ke sekolah dan pencapaian akademik murid yang lebih tinggi. Dapatan ini diperkukuhkan dengan kajian Wan Ali Akbar et al. (2022) yang menegaskan peranan pentadbir untuk merangsang budaya kerja inovatif dalam pengurusan sekolah dan sokongan kepada guru bagi melaksanakan pendekatan pedagogi yang responsif terhadap keperluan murid. Justeru, pentadbir perlu bertindak sebagai agen perubahan yang proaktif dalam merangka intervensi dan pelaksanaan program yang mengukuhkan aspek keperluan murid secara holistik. Berdasarkan konteks ini, pentadbir dipertanggungjawabkan untuk memastikan setiap intervensi yang dilaksanakan adalah selaras dengan analisis data murid yang merangkumi latar belakang sosioekonomi murid agar setiap langkah yang diambil adalah tepat, relevan dan memberi kesan kepada kehadiran dan prestasi akademik murid.

Sementara itu, Jenny dan Che Nazrah (2016) dalam kajian tindakannya di Kedah mendapati bahawa jumlah kehadiran murid di sekolah luar bandar menunjukkan trend peningkatan yang signifikan dalam kalangan murid berdasarkan intervensi-intervensi yang telah dilaksanakan. Dapatan ini disokong dengan kajian tindakan oleh Azlina et al. (2023) yang memperlihatkan bahawa kehadiran murid meningkat secara signifikan selepas pelaksanaan intervensi yang berkesan untuk meningkatkan kehadiran murid oleh pihak sekolah. Erne Hayaty dan Bity Salwana (2023) dalam kajiannya menegaskan murid mendapat sokongan pendidikan yang menyeluruh memotivasikan murid untuk hadir ke sekolah dan menunjukkan minat serta komitmen terhadap pembelajaran. Penemuan ini menunjukkan program dan intevensi yang berfokus kepada kehadiran murid mampu mengekalkan murid dalam sistem persekolahan dan berupaya menyumbang kepada keberhasilan akademik murid B40 secara keseluruhan. Justeru, pentadbir memainkan peranan utama dalam merancang, melaksana dan menilai keberkesanan intervensi yang dirangka dalam usaha meningkatkan kehadiran murid yang lebih konsisten dan menggalakkan pencapaian akademik murid yang lebih optimum. Intervensi yang dilaksanakan perlu bersifat inklusif dan disesuaikan dengan konteks keperluan murid B40 agar secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pengurangan kadar keciciran murid.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian terdahulu membuktikan bahawa pengurusan keperluan murid oleh pentadbir sekolah yang sistematik dan inklusif berperanan penting dalam usaha meningkatkan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Peranan pentadbir sebagai pengurus sumber manusia perlu diketengahkan melalui

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pendekatan dan pelaksanaan intervensi yang berasaskan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954). Pendekatan ini bukan sahaja dapat merangsang minat murid untuk hadir ke sekolah, tetapi turut memberi sokongan yang kukuh kepada pembentukan iklim sekolah yang positif dan kondusif, seterusnya mengurangkan risiko keciciran. Pengurusan keperluan murid oleh pentadbir yang cemerlang turut berpotensi menyumbang kepada peningkatkan kebolehupayaan murid untuk mencapai tahap kejayaan akademik yang mampan. Oleh hal yang demikian, bagi memastikan kelestarian pendidikan yang kekal inklusif dan berkesan, pentadbir sekolah perlu menjadi agen perubahan yang membawa kepada penambahbaikan berterusan dalam aspek pengurusan keperluan murid. Pentadbir perlu memastikan setiap tindakan yang diambil adalah selaras dengan dasar pendidikan negara dan berupaya memenuhi objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

2.1. Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954)

Kajian ini dijalankan berlandaskan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) sebagai rujukan dan panduan utama untuk mengukur tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir. Menurut Maslow (1943), tingkat yang memenuhi keperluan diri manusia disusun berdasarkan hierarki. Kehidupan manusia disokong oleh keperluan paling rendah sebelum melangkah ke keperluan lebih tinggi. Lima tingkat keperluan yang disusun oleh Maslow (1954) ialah keperluan asas, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan diri dan keperluan sempurna kendiri (Kalaiwani, 2021). Rajah 1 menunjukkan lima tingkat keperluan manusia berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954).

Rajah 1: Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954)



Keperluan asas adalah tingkat keperluan pertama yang paling perlu dipenuhi dalam kehidupan manusia. Menurut Betz (1984), keperluan asas yang tidak dipenuhi tidak akan mendorong individu untuk berusaha mencapai peringkat lebih tinggi (Nik Zatul-Iffah dan Ruhizan, 2021). Keperluan keselamatan pula merangkumi aspek keselamatan dari segi fizikal dan persekitaran emosi manusia. Menurut Hadori (2015), keperluan keselamatan terdiri daripada keselamatan terhadap diri sendiri dari segi fizikal dan mental dengan adanya perlindungan dan kebebasan. Seterusnya, keperluan kasih sayang yang merangkumi keperluan cinta dan kasih sayang dalam diri manusia. Menurut Sada (2017), keperluan kasih sayang merujuk kepada keperluan untuk saling memiliki antara satu sama lain yang meliputi perasaan saling menerima, berkasih sayang dan kehangatan dalam sesebuah hubungan (Azmia, Rina & Cucu, 2022). Keperluan penghargaan pula merangkumi aspek ganjaran atau pengiktirafan yang diberikan kepada manusia atas pencapaiannya. Menurut Maslow (1954), keperluan penghargaan diperlukan dalam diri individu seperti merasakan diri dihormati, dihargai

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan diiktiraf oleh pihak yang sepatutnya (Dicky, Salmy & Hairunnizam, 2019). Keperluan tertinggi ialah keperluan sempurna kendiri. Adriansyah dan Randy (2022) menyatakan keperluan sempurna kendiri memerlukan individu untuk mengekspresikan dirinya ke dalam satu bentuk aktiviti bagi membuktikan bahawa dirinya mampu melakukan sesuatu perkara.

Beberapa kajian terdahulu membuktikan kepentingan mengurus keperluan murid untuk memastikan murid hadir ke sekolah secara konsisten dan meningkatkan pencapaian akademik mereka. Kajian kualitatif oleh Cimene et al. (2023) di Filipina terhadap bekas murid berhenti sekolah mendapati bahawa ketidakhadiran murid ke sekolah adalah kerana perlu membantu menyara keluarga untuk memenuhi keperluan asas ekoran faktor ibu bapa yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan berpendapatan sangat rendah. Dapatan ini diperkukuhkan dengan kajian kualitatif oleh Nurul Farhana et al. (2021) yang mendapati murid tingkatan 3 tidak hadir ke sekolah kerana melakukan kerja sambilan untuk membantu keluarga sehingga menyebabkan mereka berada dalam kelompok yang berisiko cicir. Berdasarkan kerangka Maslow (1954), apabila keperluan asas murid tidak dipenuhi maka keupayaan murid untuk kekal dalam sistem persekolahan dan menunjukkan konsisten dalam kehadiran serta fokus terhadap pembelajaran akan terjejas. Hal ini mendukung peranan pentadbir untuk mengenal pasti murid yang berhadapan dengan kekangan dan ketidakcukupan keperluan asas melalui pemantauan berasaskan data kehadiran, potensi akademik dan latar belakang murid. Pentadbir perlu memastikan keperluan asas murid telah dipenuhi terlebih dahulu agar intervensi pendidikan yang dirancang dapat memberi kesan yang maksimum terhadap kehadiran dan pencapaian akademik murid.

Di samping itu, kajian kualitatif oleh Siti Masayu et al. (2021) terhadap murid B40 di kawasan bandar dan luar bandar memanfaatkan kerangka Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) untuk meneliti sejauhmana keperluan murid yang dipenuhi mampu memberi kesan kepada perkembangan potensi pembelajaran murid. Dapatan kajian ini menemukan bahawa persekitaran sekolah yang menyokong keperluan murid berupaya mengimbangi jurang sosioekonomi terutamanya bagi murid B40. Berdasarkan konteks ini, dalam beberapa keadaan, pentadbir dan guru perlu memainkan peranan mereka untuk memahami latar belakang sosioekonomi murid dan menyediakan ruang emosi yang selamat kepada murid. Murid perlu diberikan ruang untuk bersuara dan mengekspresikan diri mereka dengan lebih bebas dan kreatif. Kajian oleh Erne Hayaty dan Bity Salwana (2024) menyokong dapatan ini dengan menekankan pentadbir perlu berperanan sebagai penyelia dan melatih guru agar mengamalkan pendekatan holistik yang tidak terbatas kepada pemenuhan keperluan asas murid semata-mata, tetapi juga memahami tahap motivasi murid dalam aspek emosi, sosial dan aspirasi akademik murid. Hal ini demikian kerana terdapat jurang yang dikenal pasti dalam aspek pengurusan keperluan murid seperti keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan keperluan sempurna kendiri.

Secara keseluruhannya, penemuan kajian terdahulu memperlihatkan bahawa pendekatan berasaskan keperluan murid yang disokong oleh Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) merupakan asas yang penting dalam merangka strategi pengurusan murid berisiko dalam aspek kehadiran dan pencapaian akademik terutamanya murid B40. Pendekatan teori ini menggariskan peranan pentadbir yang kritikal dan signifikan dalam mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh murid B40 dan menyediakan intervensi yang menyeluruh merangkumi aspek fizikal, emosi, sosial dan akademik murid. Komitmen murid terhadap pendidikan dan pembelajaran dapat dipertingkatkan

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

secara tidak langsung terutamanya bagi murid dari kumpulan berpendapatan rendah seperti B40. Usaha untuk memenuhi keperluan murid dapat meningkatkan kesejahteraan murid serta berupaya membina asas yang kukuh untuk menggalakkan kehadiran murid ke sekolah dan menyumbang kepada pencapaian akademik jangka masa panjang. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengukur secara sistematik hubungan amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 berdasarkan dokumen Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) melalui indikator kehadiran dan pencapaian akademik murid.

3. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan mengukur hubungan antara amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) dan dokumen Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) (KPM, 2018). Reka bentuk kajian tinjauan melalui pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data daripada bilangan responden yang besar dalam jangka masa yang terhad. Populasi kajian terdiri daripada 1, 455 729 murid sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. Saiz sampel minimum yang diperlukan adalah sebanyak 384 sampel berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Namun, pengambilan saiz sampel melebihi jumlah minimum dilakukan untuk memastikan ketepatan data dan mengatasi kemungkinan kehilangan data yang boleh menjejaskan keputusan kajian (Hamed Taherdoost, 2017). Justeru, seramai 409 responden adalah terlibat dalam kajian ini. Persampelan kluster yang digunakan untuk membahagikan zon di kawasan Semenanjung Malaysia sebagai kluster utama. Persampelan rawak mudah digunakan dalam pemilihan negeri iaitu Kedah, Selangor, Terengganu dan Negeri Sembilan serta sekolah yang terlibat.

Kajian ini dijalankan menggunakan instrumen soal selidik yang dibangunkan berdasarkan lima dimensi dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) iaitu keperluan asas, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan keperluan sempurna kendiri untuk mengukur tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir. Tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 pula diukur berdasarkan dua indikator dalam Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Soal selidik kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A ialah demografi responden, bahagian B ialah amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir (25 item) dan bahagian C ialah tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 (19 item) dengan penilaian skala likert lima mata. Kesahan kandungan bagi setiap item dalam soal selidik disemak oleh tiga orang pakar dalam bidang pendidikan dan pentadbiran sekolah untuk tujuan penambahbaikan item. Kajian rintis yang dijalankan terhadap 100 orang murid menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dengan nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.810. Kajian ini telah mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan sekolah-sekolah yang terlibat sebelum kajian sebenar dijalankan.

Kajian ini dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi iaitu melalui ujian korelasi pearson. Perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 29.0 digunakan untuk menganalisis data. Analisis deskriptif dijalankan untuk menentukan

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

nilai min dan sisihan piawai bagi skor yang diberikan oleh responden untuk menentukan tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Interpretasi nilai skor min adalah berpandukan Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi nilai min

Skor Min	Tahap
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi
3.41 – 4.20	Tinggi
2.61 – 3.40	Sederhana
1.81 – 2.60	Rendah
1.00 – 1.80	Sangat Rendah

Sumber: Noor Zuhidayah et al. (2019) diadaptasi dari Khumsikiew, Donsamak dan Saeteaw (2015)

Analisis korelasi Pearson adalah untuk mencapai objektif 3 iaitu menentukan hubungan amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Jadual 2 menunjukkan interpretasi nilai pekali korelasi *(r)* bagi menentukan hubungan di antara kedua-dua pembolehubah.

Jadual 2: Interpretasi Nilai Pekali Korelasi *(r).*

Nilai Pekali Korelasi *(r)*	Interpretasi
0.81 hingga 1.00	Sangat Kuat
0.51 hingga 0.80	Kuat
0.31 hingga 0.50	Sederhana
0.21 hingga 0.30	Lemah
0.01 hinga 0.20	Sangat Lemah

Sumber: Hazura, Mohd Izham & Mohamd Yusof (2019) diadaptasi dari Cohen, Manion dan Marrison (2011)

Kajian ini melibatkan murid B40 dari tingkatan 3 dan tingkatan 4 yang berisiko cicir dan dikesan dari segi tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid. Negeri Selangor yang mewakili zon tengah mencatatatkan jumlah responden tertinggi iaitu seramai 111 orang (27.1%), diikuti Terengganu bagi zon timur dan Negeri Sembilan bagi zon selatan, masing-masing sebanyak 106 orang (25.9%) dan Kedah yang mewakili zon utara dengan 86 orang (21.0%). Taburan demografi responden menunjukkan majoriti responden terdiri daripada kalangan murid B40 yang menetap di kawasan luar bandar iaitu seramai 266 orang (62.3%), manakala 154 orang (37.7%) murid lagi berasal dari kawasan bandar. Murid lelaki mendominasi kajian ini seramai 262 orang (64.1%), manakala murid perempuan adalah seramai 147 orang (35.9%). Taburan juga mencatatkan kebanyakan responden terdiri daripada kaum Melayu iaitu 359 orang (87.8%). Kaum Cina diwakili 28 orang (6.8%), diikuti dengan kaum India iaitu 17 orang (4.2%) dan kaum lain-lain seramai 5 orang (1.2%). Murid Tingkatan 4 merupakan kumpulan terbesar dalam kalangan responden dengan catatan seramai 226 orang (55.3%), manakala murid Tingkatan 3 adalah seramai 183 orang (44.7%). Secara keseluruhannya, taburan demografi responden memperkukuhkan kebolehpercayaan dapatan kajian ini.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4. Hasil Kajian

Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan analisis deksriptif untuk mengukur tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Hasil analisis ini dibentangkan dalam bentuk min dan sisihan piawai bagi setiap dimensi atau kontsruk dikaji. Penentuan hubungan antara pembolehubah kajian dianalisis menggunakan korelasi Pearson berdasarkan data yang terkumpul. Analisis dapatan memboleh penyelidik membuat generalisasi terhadap populasi berdasarkan sampel yang terlibat dalam kajian. Pemilihan analisis ini dibuat berdasarkan data yang diperoleh untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

4.1. Tahap Amalan Mengurus Keperluan Murid oleh Pentadbir

Tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir diukur berdasarkan lima dimensi keperluan dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954). Terdapat 25 item yang soalan yang merangkumi 5 soalan bagi setiap satu dimensi iaitu 5 soalan bagi keperluan asas, 5 soalan bagi keperluan keselamatan, 5 soalan bagi keperluan kasih sayang, 5 soalan bagi keperluan penghargaan dan 5 soalan bagi keperluan sempurna kendiri. Hasil dapatan memperlihatkan tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir adalah berada pada tahap sederhana. Jadual 3 menunjukkan analisis skor min dan sisihan piawai bagi mengukur tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir.

Jadual 3: Skor min dan sisihan piawai bagi tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir.

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Keperluan Asas	2.70	0.848	Sederhana
Keperluan Keselamatan	3.49	0.830	Tinggi
Keperluan Kasih Sayang	3.42	0.880	Tinggi
Keperluan Penghargaan	3.62	0.895	Tinggi
Keperluan Sempurna Kendiri	3.64	0.864	Tinggi
Min Keseluruhan	3.37	0.667	Sederhana

Jadual 3 menunjukkan nilai skor min dan sisihan piawai bagi tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir berdasarkan lima dimensi keperluan Maslow (1954). Analisis dapatan menunjukkan bahawa nilai min tertinggi adalah dimensi keperluan sempurna kendiri (min=3.64, SP=0.864). Nilai min kedua tertinggi ialah dimensi keperluan penghargaan dengan nilai skor (min=3.62, SP=0.895), diikuti dengan dimensi keperluan keselamatan (min=3.49, SP=0.830) dan dimensi keperluan kasih sayang (min=3.42, SP=0.880). Dimensi keperluan asas pula mencatatkan nilai min terendah (min=2.70, SP=0.848). Nilai min keseluruhan bagi tahap amalan mengurus keperluan murid dalam kalangan pentadbir ialah pada tahap sederhana (min=3.37, SP=0.667).

4.2. Tahap Kehadiran dan Pencapaian Akademik Murid B40

Tahap amalan kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 diukur berdasarkan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) melalui kriteria kehadiran dan pencapaian akademik murid. Terdapat 19 item soalan yang merangkumi 9 soalan bagi kehadiran murid dan 10 soalan bagi pencapaian akademik murid. Hasil dapatan memperlihatkan bahawa tahap kehadiran

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan pencapaian akademik murid B40 adalah berada pada tahap yang tinggi. Jadual 4 menunjukkan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40.

Jadual 4: Tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40.

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kehadiran Murid	3.49	0.670	Tinggi
Pencapaian Akademik Murid	3.40	0.699	Sederhana
Min Keseluruhan	3.45	0.603	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan nilai skor min dan sisihan piawai bagi tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Amalan kehadiran murid menunjukkan nilai min yang berada pada tahap tinggi (min=3.49, SP=0.670), manakala pencapaian akademik murid pula menunjukkan nilai min yang berada pada tahap yang sederhana (min=3.40, SP=0.699). Walaubagaimanapun, nilai keseluruhan min dan sisihan piawai menunjukkan tahap amalan kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 adalah berada pada tahap tinggi (min=3.45, SP=0.603).

4.3. Hubungan Amalan Mengurus Keperluan Murid oleh Pentadbir dengan Tahap Kehadiran dan Pencapaian Akademik Murid B40

Jadual 5 menunjukkan analisis ujian korelasi Pearson yang telah dijalankan untuk menjawab hipotesis kajian iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40.

Jadual 5: Pekali kolerasi antara pemboleh ubah amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40.

Dimensi		Faktor Pentadbir	Kehadiran dan Pencapaian Akademik Murid B40	Tahap
Faktor Pentadbir	Pearson Correlation	1	.113*	Sangat Lemah
	Sig. (2-tailed)		.022	
	N		409	

*Signifikan pada aras p<0.05 (2-tailed), n=409

Hasil analisis korelasi Pearson mendapati bahawa terdapat hubungan positif dan signifikan antara amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 dengan nilai pekali korelasi 0.113 pada aras signifikan p<0.05 (r=0.113, p=0.022). Dapatan menunjukkan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini berada pada tahap yang sangat lemah. Oleh itu, hipotesis nul ditolak berdasarkan data yang telah dicerap.

5. Perbincangan

Perbincangan kajian merupakan bahagian dalam penyelidikan yang bertujuan untuk mentafsir, menghuraikan dan menjelaskan makna sebenar dapatan kajian berdasarkan objektif kajian. Perbincangan meliputi analisis kritikal terhadap dapatan bagi memahami hubungan, kesignifikanan dan implikasi yang boleh dibincangkan dalam konteks kajian. Setiap dapatan disertakan dengan sokongan daripada kajian lepas yang

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bertujuan untuk menilai kebolehpercayaan hasil kajian ini dengan penemuan daripada kajian terdahulu. Perbincangan kajian meliputi tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir serta tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40.

5.1. Tahap Amalan Mengurus Keperluan Murid oleh Pentadbir

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir berada pada tahap sederhana. Penemuan ini menunjukkan bahawa pentadbir memperlihatkan usaha yang sedaya upaya tetapi masih terhad untuk memenuhi keperluan murid B40. Kajian oleh Maslawati et al. (2024) menyokong dengan mendapati bahawa murid B40 menghadapi cabaran yang melangkaui keperluan asas termasuk akses kepada peranti digital, rujukan dan sokongan psikososial, namun sokongan pentadbir masih terbatas kepada bantuan kewangan semata-mata. Hal ini mengukuhkan kenyataan bahawa usaha pentadbir dalam mengurus keperluan murid yang masih terhad memberi impak yang signifikan kepada kualiti sokongan yang diterima oleh murid B40 di sekolah. Keberkesanan pengurusan keperluan murid oleh pentadbir bukan sahaja hanya bergantung kepada dasar, tetapi juga melibatkan keupayaan pentadbir untuk mengurus sokongan yang holistik dari segi kebajikan murid sebagaimana yang ditekankan oleh Norfarahzatul et al. (2022) dalam kajiannya bahawa pentadbir seharusnya berperanan sebagai penyelaras utama dalam program-program yang melibatkan pengagihan bantuan berbentuk makanan dan kewangan kepada murid yang memerlukan.

Analisis dapatan juga mendapati dimensi keperluan sempurna kendiri adalah tertinggi, manakala keperluan asas adalah terendah. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian tempatan oleh Muhammad Nur Asyraf dan Bity Salwana (2020) yang mendapati bahawa tahap amalan mengurus keperluan murid dalam kalangan pentadbir bagi dimensi keperluan sempurna kendiri adalah tinggi, tetapi bagi dimensi keperluan asas hanya berada pada tahap yang sederhana sahaja. Pentadbir di beberapa sekolah menengah harian di Kelantan lebih aktif dalam merancang program akademik yang berimpak tinggi dan aktiviti kepimpinan murid berbanding menyelaras keperluan asas untuk murid B40. Dapatan kajian ini turut disokong dengan kajian oleh Muhammad Afiq dan Mohd Izham (2017) yang mendapati bahawa pentadbir cenderung mengamalkan gaya kepimpinan yang menjurus kepada pencapaian sekolah seperti merangkumi pencapaian akademik, kokurikulum dan sahsiah murid. Situasi ini menggambarkan kecenderungan pentadbir dalam mengutamakan hal ehwal pencapaian dan prestasi sekolah berbanding memenuhi keperluan asas murid. Hal ini memperlihatkan bahawa dimensi keperluan asas murid kurang diberi perhatian yang seimbang dalam amalan kepimpinan pentadbir di peringkat sekolah menengah.

Dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi dengan kajian terkini yang dijalankan oleh Nazira et al. (2023) yang menekankan bahawa walaupun pelbagai inisiatif bantuan telah diimplimentasikan seperti program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) untuk memenuhi keperluan asas murid B40, tetapi masih terdapat kekurangan dalam aspek sokongan emosi dan peralatan pembelajaran murid secara menyeluruh. Hal ini menandakan bahawa masih terdapat jurang penting dalam memenuhi keperluan asas murid B40 secara holistik. Sokongan yang bersifat holistik bukan sahaja melibatkan penyediaan keperluan asas secara fizikal, tetapi juga merangkumi pemantauan berterusan terhadap kesejahteraan emosi dan sokongan pembelajaran khususnya bagi murid B40 yang lebih terdedah kepada risiko keciciran dan ketidakupayaan akademik yang tinggi. Oleh itu, pentadbir

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

perlu memainkan peranannya melalui pendekatan yang lebih proaktif, menyeluruh dan berpaksikan kepada kesejahteraan murid.

Secara keseluruhannya, amalan mengurus keperluan murid dalam kalangan pentadbir adalaha masih terhad. Pentadbir cenderung mengutamakan dimensi keperluan sempurna kendiri dari aspek pembangunan potensi dan pencapaian prestasi sekolah berbanding menumpukan perhatian kepada aspek penyediaan keperluan asas murid B40 yang lebih menyeluruh. Walaupun pelbagai insiatif bantuan seperti kewangan dan kebajikan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama dari pelbagai pihak sebagaimana yang ditekankan dalam kajian oleh para penyelidik terdahulu, kelemahan dalam pengurusan dan penyelarasan keperluan asas murid menjurus kepada ketidakseimbangan dalam sokongan holistik yang diperlukan oleh murid B40. Hal ini menunjukkan keperluan yang mendesak agar kepimpinan pentadbir dapat dipertingkatkan untuk memastikan segala dimensi keperluan murid seperti yang digariskan dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954), terutamanya keperluan asas agar dapat diuruskan dengan baik dan seimbang bagi setiap murid di sekolah.

5.2. Tahap Kehadiran dan Pencapaian Akademik Murid B40

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan dapatan kajian, indikator kehadiran murid ke sekolah adalah berada pada tahap tinggi, manakala indikator pencapaian akademik murid pula berada pada tahap sederhana. Dapatan ini selari dengan kajian tindakan yang dijalankan oleh Azlina et al. (2023) yang menemukan kehadiran murid tingkatan 4 dan tingkatan 5 ke sekolah meningkat melalui intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah. Peratus ketidakhadiran murid ke sekolah kerana faktor sosioekonomi menurun dalam tempoh 2 bulan selepas perlaksanaan intervensi. Dapatan kajian oleh Erne Hayaty dan Bity Salwana (2023) menyokong kajian ini dengan penemuan bahawa murid yang menerima sokongan yang konsisten cenderung menunjukkan komitmen terhadap persekolahan dan mempunyai motivasi terhadap pembelajaran. Murid akan lebih cenderung untuk terus hadir ke sekolah secara konsisten apabila mendapati terdapat pihak yang prihatin terhadap keperluan dan perkembangan diri mereka. Penemuan ini menunjukkan program dan intevensi yang berfokus kepada kehadiran murid mampu mengekalkan murid dalam sistem persekolahan dan berupaya menyumbang kepada keberhasilan akademik.

Dapatan kajian ini juga mencerminkan bahawa kehadiran murid ke sekolah tidak semestinya menjamin murid terlibat aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini hampir selari dengan kajian Wan Nur Izzati et al. (2022) yang mendapati faktor kemiskinan ibu bapa B40 menjejaskan keupayaan mereka untuk menyediakan kemudahan dan kelengkapan bahan pembelajaran yang mencukupi. Kajian oleh Rohaida et al. (2020) turut mendapati murid B40 sering ketinggalan dalam akademik kerana ibu bapa tidak dapat menyediakan kemudahan pendidikan untuk murid terutama murid B40 di kawasan luar bandar yang terdedah kepada kemiskinan. Situasi ini menyumbang kepada kekurangan motivasi dalam diri murid. Dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan kajian Faridah et al. (2005) yang menegaskan bahawa kekurangan motivasi boleh menjejaskan perkembangan kognitif, menyebabkan masalah moral, merendahkan sikap kendiri, menurunkan pencapaian akademik, mengakibatkan ketidakhadiran ke sekolah dan meningkatkan risiko keciciran murid (Nurul Huda & Azlin, 2017). Sokongan pembelajaran yang tidak mencukupi memberi kesan kepada

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pencapaian akademik murid dan menyumbang kepada ketidakhadiran murid ke sekolah seterusnya mengakibatkan risiko keciciran murid.

Di samping itu, kemerosotan pencapaian akademik murid memberi impak yang signifikan kepada tahap motivasi murid untuk belajar. Murid yang tidak dibantu dengan penyediaan sokongan pembelajaran yang mencukupi mendorong murid terlibat dalam pelbagai gejala negatif yang meruntuhkan perkembangan murid. Penemuan ini dapat disokong dengan Norfarahzatul et al. (2022) yang mendapati tahap motivasi murid yang rendah mendorong murid terlibat dalam gejala sosial tidak bermoral yang membawa kepada risiko keciciran murid dalam pendidikan. Dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan Faridah et al. (2005) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa kekurangan motivasi dalam diri murid menghalang perkembangan kognitif, menyebabkan masalah moral, merendahkan sikap kendiri, menurunkan pencapaian akademik, mengakibatkan ketidakhadiran ke sekolah dan keciciran dalam pendidikan (Nurul Huda & Azlin, 2017). Murid yang tidak bermotivasi akibat sering gagal dalam akademik cenderung mengalami tekanan, hilang keyakinan diri seterusnya menyebabkan mereka kehilangan minat untuk hadir ke sekolah. Isu kemerosotan pencapaian akademik murid perlu ditangani secara menyeluruh melalui intervensi yang dapat meningkatkan motivasi murid untuk belajar dan hadir ke sekolah secara konsisten.

Secara rumusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kehadiran dan pencepaian akademik murid B40 adalah tinggi. Meskipun kehadiran murid ke sekolah adalah berada pada tahap yang tinggi, tahap pencapaian akademik murid masih berada pada tahap sederhana. Dapatan ini memperkukuhkan penemuan kajian terdahulu bahawa kehadiran fizikal murid B40 ke sekolah belum sepenuhnya mencukupi untuk menjamin keberhasilan akademik murid. Situasi yang tidak ditangani dan tidak diberi perhatian untuk pelaksanaan intervensi yang bersesuaian berupaya menyebabkan murid B40 lebih terdedah dengan risiko keciciran dalam pendidikan. Hal ini bersesuaian dengan yang digariskan dalam dokumen Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) yang menetapkan bahawa kriteria murid yang berisiko cicir termasuklah kehadiran yang tidak konsisten dan kelemahan dalam pencapaian akademik. Berdasarkan konteks murid B40, sokongan yang menyeluruh terhadap aspek pendidikan dan pembelajaran murid membantu mengurang risiko ketidakhadiran murid ke sekolah dan dapat meningkatkan keberhasilan akdemik yang lebih berkesan. Oleh hal yang demikian, intervensi yang bersifat menyeluruh dan sistematik serta berpusatkan murid perlu dilaksanakan segera untuk mengekalkan kehadiran dan meningkatkan pencapaian akademik murid B40.

5.3. Hubungan Amalan Mengurus Keperluan Murid oleh Pentadbir dengan Tahap Kehadiran dan Pencapaian Akademik Murid B40

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tahap amalan mengurus keperluan murid dalam kalangan pentadbir dengan tahap amalan kehadiran dan pencapaian akademik murid murid B40. Namun begitu, kekuatan hubungan ini adalah sangat lemah. Penemuan kajian ini memberi makna bahawa amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) hanya menyumbang pengaruh yang kecil kepada kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Secara praktikalnya, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pentadbir masih belum dapat memenuhi keperluan murid secara menyeluruh dan berimpak tinggi. Amalan mengurus keperluan murid yang dilaksanakan oleh pentadbir adalah terhad dan tidak menumpukan secara khusus

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kepada dimensi-dimensi kritikal yang berupaya mempengaruhi tahap amalan kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Namun begitu, walaupun sumbangan amalan pentadbir adalah kecil tetapi pengaruhnya tidak boleh diketepikan. Dapatan ini menyokong tindakan yang lebih komprehensif untuk memperkukuh aspek pengurusan keperluan murid dalam kalangan pentadbir dan memperkaya jurang sokongan yang lebih holistik kepada murid B40.

Dapatan kajian ini turut disokong dengan kajian Muhammad Nur Asyraf dan Bity Salwana (2021) yang menemukan bahawa amalan pengurusan pentadbir yang menekankan aspek kebajikan asas murid berupaya menstabilkan kehadiran dan meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran. Pentadbir dalam kajian ini menunjukkan usaha yang sedaya upaya untuk memenuhi keperluan asas dan keselamatan murid. Tidak hanya keperluan tersebut, tetapi juga bagi keperluan-keperluan lain yang perlu dipenuhi seperti keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan keperluan sempurna kendiri. Dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan kajian oleh Erne Hayaty dan Bity Salwana (2024) yang menunjukkan meskipun pentadbir berusaha memenuhi keperluan asas murid tetapi impak terhadap kehadiran dan pencapaian akademik murid masih rendah sekiranya keperluan-keperluan lain juga tidak diberikan perhatian. Berdasarkan konteks ini, keperluan murid perlu dilihat dalam dimensi yang lebih meluas dan berasaskan kepada hierarki keperluan Maslow (1954) agar pentadbir dapat mengenal pasti sokongan yang paling praktikal dalam membantu murid untuk kekal hadir ke sekolah dan mencapai potensi akademik yang optimum.

Namun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan sedikit percanggahan dengan dapatan kajian oleh Muhammad Rahawaluddin dan Bity Salwana (2022) yang menemukan bahawa wujudnya korelasi positif pada tahap sederhana antara kecekapan pengurusan program akademik pentadbir dengan peningkatan perkembangan akademik murid berprestasi rendah. Kajian ini menyimpulkan bahawa semakin tinggi amalan pengurusan pentadbir, semakin tinggi tahap perkembangan murid berpencapaian rendah akademik. Dapatan kajian ini menekankan kepentingan pentadbir untuk melaksanakan program dan intervensi berteraskan akademik secara khusus dan lebih berfokus. Kekuatan hubungan antara amalan mengurus keperluan murid dalam kalangan pentadbir dan keberhasilan murid akan lebih bermakna sekiranya intervensi yang dijalankan diselaraskan dengan objektif akademik secara langsung dan sistematik. Justeru, walaupun kajian yang dijalankan ini adalah hampir sama, tetapi perbezaan dari segi dimensi pengurusan dan pendekatan pelaksanaan berkemungkinan menyumbang kepada perbezaan kekuatan hubungan yang diperolehi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa peranan pentadbir dalam mengurus keperluan murid adalah penting tetapi masih belum mencapai tahap keberkesanan yang maksimum. Hubungan yang sangat lemah yang diperolehi daripada dapatan kajian semasa menunjukkan terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam strategi mengurus keperluan murid dalam kalangan pentadbir. Pentadbir perlu mengambil pendekatan yang lebih strategik dan menyeluruh dalam setiap dimensi keperluan murid seperti yang digariskan dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954). Berdasarkan konteks ini, pelaksanaan intervensi yang bersifat holistik dan berasaskan data serta keperluan sebenar murid adalah penting untuk memberi sokongan yang padu dan relevan keperluan murid. Pentadbir sekolah perlu memperkukuhkan peranan mereka yang bukan sahaja sebagai pengurus organisasi sekolah, tetapi juga sebagai pemimpin instruksional yang prihatin terhadap aspek kebajikan dan kesejahteraan murid. Pendekatan sistematik dalam mengenal pasti

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

keperluan murid melalui data kehadiran, pencapaian akademik dan latar belakang sosioekonomi murid berupaya membantu pentadbir untuk merancang intervensi yang lebih berfokus dan berimpak tinggi. Justeru, amalan mengurus keperluan murid dalam kalangan pentadbir dapat menyumbang lebih tinggi kepada peningkatan kehadiran dan pencapaian akademik murid secara keseluruhan.

5.4. Implikasi Kajian

Kajian ini memberi implikasi kepada dasar pendidikan, pendekatan teori, amalan pengurusan sekolah dan latihan yang diterima untuk meningkatkan kehadiran dan pencapaian akademik murid B40 dengan lebih berkesan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir memberi kesan yang signifikan walaupun sangat lemah terhadap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Penemuan kajian ini menekankan keperluan pengukuhan dasar pendidikan sedia ada dengan memperincikan garis panduan dan intervensi yang menyeluruh bagi memenuhi keperluan murid berpendapatan rendah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) wajar mempertimbangkan penambahbaikan dasar yang mewajibkan pemantauan sistematik terhadap keperluan asas, emosi dan kesejahteraan murid B40 di peringkat sekolah menengah. Dasar bantuan persekolahan dan pembelajaran sedia ada juga perlu diteliti dan ditambah baik agar lebih bersifat inklusif yang merangkumi segala aspek keperluan murid secara lebih menyeluruh.

Di samping itu, penemuan kajian ini juga mengesahkan kesesuaian dan kebolehgunaan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) dalam konteks pendidikan. Teori ini menjelaskan keperluan murid B40 yang perlu dipenuhi iaitu keperluan asas, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan keperluan sempurna kendiri adalah penting untuk menggalakkan murid hadir ke sekolah dan menyumbang kepada prestasi akademik yang lebih optimum. Implikasi ini memperkukuhkan andaian teori bahawa murid mampu mencapai potensi diri dan kejayaan akademik apabila keperluan asas mereka telah dipenuhi terlebih dahulu. Kajian ini mendorong kepada keperluan memperluas aplikasi teori Maslow (1954) dalam pendidikan untuk menjelaskan hubungan antara amalan mengurus keperluan murid dengan tahap pendidikan murid terutamanya bagi murid dari keluarga berpendapatan rendah. Implikasi ini turut mencadangkan bahawa intervensi yang dirangka di peringkat dasar atau sekolah perlu mengambil kira lima tingkat keperluan murid seperti yang dicadangkan oleh Maslow (1954) agar intervensi yang dijalankan dapat memberi kesan yang lebih efektif.

Secara praktikalnya, kajian ini turut memberi implikasi terhadap amalan mengurus keperluan murid khususnya dalam kalangan pentadbir. Pentadbir perlu lebih bersifat proaktif dan responsif dalam mengurus keperluan murid secara menyeluruh terutamanya bagi murid B40 yang sering kali dikaitkan dengan isu ketidakhadiran murid ke sekolah dan pencapaian akademik yang rendah. Keberkesanan pentadbir dalam mengenal pasti, memantau dan mengurus keperluan murid secara sistematik berpotensi meningkatkan kehadiran murid dan pencapaian akademik murid yang lebih tinggi. Pentadbir juga perlu memainkan peranan dalam memastikan kewujudan sistem sokongan yang bersepadu melibatkan pelbagai pihak seperti guru, kaunselor dan ibu bapa untuk membantu murid B40 mengatasi cabaran dalam pendidikan. Usaha ini dapat dilaksanakan melalui pelaksanaan program dan intervensi yang sesuai dengan keperluan murid. Implikasi ini menunjukkan bahawa pengurusan berasaskan keperluan

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bukan sahaja memberi kesan kepada prestasi murid secara individu, tetapi juga kepada peningkatkan prestasi sekolah secara keseluruhan.

Penemuan kajian ini turut memberi justifikasi bahawa terdapat keperluan untuk memperkukuh program latihan profesional dalam kalangan pentadbir sekolah. Latihan pembangunan profesional pentadbir sekolah yang bersifat berterusan perlu diberikan penekanan untuk meningkatkan kemahiran pentadbir dalam mengenal pasti, memantau, memahami dan mengurus keperluan murid dengan lebih berkesan. Modul latihan pentadbir sekolah sedia ada perlu disemak semula untuk ditambah baik dengan memasukkan elemen pengurusan keperluan murid berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954). Latihan yang diberikan kepada pentadbir perlu menekankan aspek pemikiran reflektif dan empati agar pentadbir lebih memahami aspek latar belakang dan cabaran murid B40. Hal ini membolehkan pentadbir mengambil pendekatan pengurusan yang bersesuaian dengan keperluan murid. Pendekatan latihan yang inklusif dan terancang serta berasaskan data berupaya mempertingkatkan keberkesanan amalan mengurus keperluan murid dan menyumbang kepada peningkatan kehadiran dan pencapaian akademik murid secara keseluruhan.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penemuan kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir dengan tahap kehadiran dan pencapaian akademik murid B40. Penemuan kajian ini membuktikan bahawa pengaruh amalan mengurus keperluan murid oleh pentadbir menyumbang kepada peningkatkan kehadiran dan pencapaian akademik murid meskipun sumbangannya adalah sangat kecil. Peranan pentadbir adalah penting dalam membentuk persekitaran sekolah yang menyokong keperluan holistik murid khususnya bagi murid B40 yang sering terdedah risiko keciciran. Pentadbira yang responsif dan prihatin terhadap keperluan murid berupaya menyediakan intevensi yang bersesuaian, memacu kesejahteraan emosi dan motivasi pembelajaran murid secara lebih menyeluruh. Berdasarkan limitasi kajian dan dapatan kajian, jurang yang dikenalpasti membawa kepada cadangan kajian lanjutan. Kajian ini mencadangkan kajian akan datang dapat mempeluaskan skop kajian kepada sekolah menengah kebangsaan harian di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak agar dapatan kajian ini dapat digeneralisasikan kepada sekolah-sekolah di Malaysia. Kajian yang menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif dapat mengumpulkan data yang lebih tepat, jelas dan memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang aspek keperluan murid dengan murid berisiko. Tuntasnya, kajian ini membuka ruang kepada penyediaan pendidikan yang lebih inklusif dan holistik yang dapat diberikan sama rata kepada semua murid tanpa mengetepikan kumpulan murid berpendapatan rendah.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Pendidikan (EPRD, KPM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Bity Salwana Alias selaku penyelia yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar bagi pelaksanaan kajian dan memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam geran penyelidikan kajian keciciran UKM GG-2024-043. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberikan sokongan dan dorongan serta kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding)*

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan berkaitan penyelidikan, pengaranagan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abdul Halim, A. (1999). *Ke Arah Kecemerlangan dan Kesejahteraan Perkhidmatan Awam di Alaf Baru.* MPH Publishing.

Adriansyah Bari & Randy Hidayat. (2022). Teori Hierarki Kebutuhan Maslow terhadap Keputusan Pembelian Merek Gadget. *MOTIVASI Jurnal Manajemen dan Bisnis, 7*(1), 8-14.

Annie Jerry & Mohd Muslim Md Zalli. (2024). Faktor Keluarga dan Sekolah terhadap Murid Berisiko Cicir: Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen. *Southest Asia Psychology Journal*, *12(*2), 252-272.

Anniliza Mohd Isa, Al-Amin Mydin & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2022). Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah, Pengupayaan dan Autonomi Guru Sekolah Kebangsaan di Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 9*(3), 36–49.

Anpazagan, S. N., Ahmad, A., & Surat, S. (2025). Meneroka Pengaruh Keluarga terhadap Keciciran Murid India Golongan B40 di Daerah Shah Alam. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences, 39*(1), 1227–1242.

Awang Hashim, R., Hock, E. L., Jafar, M. F., Shanmugam, S. K. S., & Bukhari, N. (2024). Statistical Identification Of Predictors Of Dropout In Secondary Education: Evidence from Malaysia. *Journal of the Asia Pacific Economy*, *30*(12), 1-27.

Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & How L. C. (2007). *Faktor-Faktor Mempengaruhi Pelajar Ponteng di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor*. [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Teknologi Malaysia.

Azlin Norhaini Mansor & Zabidah Muhammad. (2020). Strategi Kepimpnan Menangani Murid Berisiko Tercicir: Kajian Kes. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, *31*(1), 81-99.

Azlina Ab. Jalil, Johari Budin@Mahasan, Norhayati Ismail & Hamidah Baharum. (2023). Keberkesanan Intervensi Program Pasport Kehadiran terhadap Tahap Kehadiran Murid Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. *The 1st International Conference on Global Educational Research 2023.*

Azman Ab Rahman, Afaf Sukari, Muhammad Faiz Abd Shakor, Syed Salim Syed Shamsuddin & Zizi Azlinda Mohd Yusof. (2023). Analisis Literatur Sistematik

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Terhadap Penentuan Agihan Bantuan Kemiskinan Kepada Golongan B40 di Malaysia. *JFatwa Journal of Fatwa Management and Research, 28*(2), 70-86.

Azmia Aulia Rahmi, Rina Hizyani & Cucu Sopiah. (2022). Analisis Teori Hierarki of Needs Abraham Maslow Terhadap Perkembangan Sosial Emosional Anak Usia Dini. *Aulad: Journal on Early Childhood, 5*(3), 205-214.

Baker, B. S., Taylor, B. J., & Hall, J. C. (2001). Are Complex Behaviors Specified by Dedicated Regulatory Genes? Reasoning from Drosophila. *Cell, 105*(1), 13-24.

Betz, E. L. (1984). Two Tests of Maslow's Theory of Need Fulfillment. *Journal of Vocational Behavior, 24,* 204-220.

Cimene, F. T. A., Albino, A. A.. C., Mijares, R. A. J., Hallazgo, F. P. M., Austria, M. J., Corporal, L. M. C., Elarcosa, R. T., Quipanes, F. M. B., Recto, S. N., & Villaflor, R. J. D. (2023). Understanding the Complex Factors behind Students Dropping Out of School. *European Journal of Science, Innovation and Technology, 3*(5), 114-125.

Cohen, L., Manion, L., & Marrison, K. (2011). *Research Methods in Education (7th ed.).* Routledge Taylor & Francis Group.

Danggat Chabo, Tarmiji Masron, Norita Jubit & Azizul Ahmad. (2024). Analisis Corak Ruangan Keciciran Murid Sekolah Menengah di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9*(9), 1-16.

Dicky Wwittan Toto Ngadiman, Salmy Edawaty Yacoob & Hairunnizam Wahid. (2019). Tanggapan Sokongan Organisasi dan Penglibatan Aktiviti Kerohanian B40 Muslim yang Berhutang. *International Journal of Islamic and Civilization Studies, 6*(2), 67-77.

Erne Hayaty Osman & Bity Salwana Alias. (2023). Penerokaan Terhadap Amalan Pengurusan Keperluan Murid B40. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM), 1*(1), 74-83.

Farrah Mardinawatiee & Zahari Hashim. (2024). Amalan Pengurusan Pentadbiran Sekolah dan Kepuasan Kerja dalam Kalangan Guru-Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9*(1), 1-22.

Faridah A. H., Naimah I., Hamidah Y., & Habibah A. R. (2005). Kemiskinan dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu ke arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 7,* 27-73.

Fatimah Mazlan & Jamalul Lail Abdul Wahab. (2023). Hubungan Antara Amalan Pengurusan Sumber Manusia dan Tahap Kepuasan Kerja Guru di Sekolah-Sekolah Kluster Kecemerlangan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM), 1*(3), 55-63.

Hadori, M. (2015). Aktualisasi-diri (Self-Actualization); Sebuah Manifestasi Puncak Potensi Individu Berkpribadian Sehat. *Jurnal Lisan Al-Hal, 9*(2), 261-287.

Hamed Taherdoost. (2017). Determining Sample Size; How to Calculate Survey Sampel Size. *International Journal of Economics and Management Systems,* 2, 237-239.

Hasnizawati Hashim, Rozieana A. Halid & Mohd Norafizal Abd. Aziz. (2018). Motivasi: Realiti atau Fantasi Teori. *Prosiding Kolokium 2007-2008*. Universiti Teknologi Mara Pahang.

Hazura Abdul Rahim, Mohd Izham Mohd Hamzah & Mohamd Yusof Mohd Noor. (2019). Kepimpinan Transformasi *School Improvement Partner (Sipartner+)* dan Proses *Coaching* dalam Pembangunan Kepimpinan Pendidikan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, *32*(1), 49-65.

Huang, Y., & McKeown, S. (2022). Examining the Association between Family Environment and Adolescent Delinquent Behaviours in China. *Journal of Child and Family Studies, 31*(2), 2871-2884.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022*. Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jenny Michael Jemat & Che Nazrah Yusof. (2016). T-Trace: Meningkatkan Kehadiran ke Sekolah dalam Kalangan Murid Tahun 4. ICECRS: *International Consortium of Education and Culture Research Studies, 1*(1), 167-176.

Jinol Maijin Rosy Talin & Musirin Mosin. (2025). Factors Contributing to the Academic Excellence of B40 Students in Rural Schools: A Case Study in the Small District of Paitan. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences, 15*(4), 440-448.

Kalaiwani Ramkrishnon. (2021). *Hubungan antara Persekitaran Tempat Kerja dengan Motivasi Pencapaian dalam Kalangan Guru di Daerah Kota Tinggi, Johor.* [Projek Sarjana]. Universiti Teknologi Malaysia.

Khaliza, S., Mohd Hassani, D., & Abdul Said, A. (2016). Peranan Guru Cemerlang Malaysia di Sekolah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, 24*, 161-177.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Dasar Pengoperasian Pendidikan Rendah Wajib. Kementerian Pendidikan Malaysia*. https://www.moe.gov.my

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pendidikan Malaysia. https://www.pmo.gov.my

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir Di Sekolah*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2022.* Kementerian Pendidikan Malaysia. https://www.moe.gov.my/

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2023.* Kementerian Pendidikan Malaysia. https://www.moe.gov.my/

Khumsikiew, J., Donsamak, S. & Saeteaw, M. (2015). A Model of Small-Group Problem-Based Learning in Pharmacy Education: Teaching in the Clinical Environment. *LAFOR Journal of Education, 3*(2), 95-108.

Koc, M., Zorbaz, O., & Demirtas-Zorbaz, S. (2020). Has The Ship Sailed? The Causes And Consequences Of School Dropout From An Ecological Viewpoint. *Social Psychology of Education, 23*(5), 1149-1171.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Reseacrh Activities. *Educational and Psychological Measurement, 30*(3).

Ku, A. F. (2018). *Kepimpinan Sekolah dalam Pengurusan Sumber Manusia: Cabaran Kepada Guru Besar.* Proceedings of International Conference in The Future of Education IConFEd. IPG Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, 10-12 Julai.

Maslawati Mohamad, Vanisa Magasvaran, Bity Salwana & Khairul Azhar Jamaludin. (2024). ESL Learning Environment for B40 Primary School Pupils: Issues, Challenges and Strategies. *RGSA- Revista de Gestao Social e Ambiental, 18*(5), 1-21.

Maslow, A. H. (1954). *Motivation and Personality.* New York: Harper & Row.

Maslow, A. H. (1943). A Theory of Human Motivation*. Psychological Review*, *50*(4), 430-437.

Mohamed Sharif Mustaffa & Hazni Abdul Ghani. (2010). *Persepsi Pelajar Mengenai Punca-Punca Persoalan Ponteng: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 2, Johor Bahru*. [Manuskrip tidak diterbitkan]. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Morshidi, N., & Jusoh, A. J. (2019). *Konsep murid berisiko cicir (mbc) di sekolah. In Mohd Hussin, A. B., Abdul Kadir, R., Zakaria, N. S., Harun, M. M., Subarimaniam, N., Ismail, A., & Jailani, O. (Eds.)*, Prosiding Konvensyen Kaunseling Kebangsaan Kali ke 21,

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pendayaupayaan Kendiri Melalui Kaunseling (ms. 260-275). Perkama International.

Muhammad Afiq Sahari & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Amalan Kecemerlangan Pentadbiran Sekolah Amanah di Sarawak. Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam *Prosiding Seminar Pendidikan Transdisiplin*. (hlm. 66-73). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Nur Asyraf Nordin, & Bity Salwana Alias. (2020). Amalan Pemimpin dalam Memenuhi Keperluan Murid Dan Tahap Pencapaian Murid Golongan B40 di Negeri Kelantan. *Malaysia International Convention on Education Research and Management (MICER 2020)*. International Islamic University Malaysia.

Muhammad Rahawaluddin Ismail & Bity Salwana Alias. (2021). Amalan Pengurusan Program Akademik Pentadbir dan Perkembangan Murid Berpencapaian Rendah Akademik di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. *PANRITA Journal of Science, Technology, and Arts, 1*(1), 70-82.

Nazira Osman, Fazmawati Zakaria, Mahani Mansor & Majdah Chulan. (2023). Promoting Grit and Resilence Among Malaysian B40 Students for Academic Excellence. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC), 8*(50), 345-354.

Nazirah Alias, Wan-Fei Khaw, Nur Hamizah Nasaruddin, Leeann Tan, Eida Nurhadzira Muhammad, S Maria Awaluddin, Mohd Ruhaizie Riyadzi, Tania Fayle Robert Lourdes, Thamil Arasu Saminathan & Kuang Kuay Lim (2024). Truancy Among School-Going Adolescents In Malaysia and ItsbAssociated Factors: Findings from the National Health and Morbidity Survey 2022. *Iranian Journal of Publis Health, 53*(12), 2705-2713.

Nik Zatul-Iffah N Mohd Nabil & Ruhizan Muhamad Yasin. (2021). Literasi Kewangan: Kajian Kuantitatif dalam Kalangan Murid B40 Terhadap Simpanan. Dalam *Proceeding of the 2nd International Conferencce on Education, Social Sciences and Engineering (ICESE 2021).* Kuala Lumpur, Malaysia.

Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli, Wan Muna Ruzanna, Shahlan Surat & Jamaludin Badusah. (2019). Aspek Budaya Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing. *PENDETA Joournal of Malay Language, Education dan Literature,* 10, 121-133.

Nor Adli Che Muda, Ismail Said, Rashidi Hamzah & Mohd Fadzil Mohd Salleh. (2023). Keciciran Pendidikan dalam Kalangan Anak-Anak Asnaf: Kajian Kes Sekolah Rendah di Negeri Perlis. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC), 8*(50), 602-617.

Norfarahzatul Asikin Zakari, Mohd Zuber Abd Majid & Muhammad Hussin. (2022). Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(2), 1-11.

Nur Zalikhaa' Zainal Abidin. (2024, 22 Mac). Conductive Learning Environment Can Arrest Student Dropout Rates. *Institut Masa Depan Malaysia. https://institutmasa.com/conducive-learning-environment-can-arrest-student-dropout-rates/*

Nurul Farhana Yahya & Mohd Izwan Mahmud. (2021). Kerja Sambilan Mempengaruhi Ketidakhadiran Pelajar Tingkatan 3. *Journal of Humanities and Social Science, 3*(2), 67-79.

Nurul Huda Ab Rahman & Azlin Norhaini Mansor. (2017). Tahap Amalan Guru Besar Serta Pengajaran dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah. *Malaysia Journal of Society and Space, 13*(3), 65-74.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd. Rahman & Zamri Mansor. (2020). Tahap Penguasaan Memabca dan Menulis Murid B40 dari Perspektif Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM, 10*(2), 54-73.

Sacco, C., & Le Rose, G. (2022). Network Analysis Of Early School Dropouts' Risk Factors In Italy. *Social Psychology of Education: An International Journal, 25*(6), 1459–1479.

Sada, H. J. (2017). Kebutuhan Dasar Manusia dalam Perspektif Pendidikan Islam. *Al-Tadzkiyyah: Jurnal Pendidikan Islam, 8*(2), 213-226.

Sebastian, J., & Allenswoth, E. (2012). The Influence of Principal Leadership on Classroom Instruction and Student Learning: A Study of Mediated Pathways to Learning. *Education Administration Quarterly, 48*(4), 626-663.

Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan Keluarga dan Pengaruhnya Terhadap tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanities, 13*(2), 011-023.

Sonia, B. (2010). *Middle Management in Schools*. Institut Terjemahan Negara Malaysia.

UNESCO Institute for Statistics (2018, February). One in five children, adolescents and youth is out of school. *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.* https://uis.unesco.org

UNESCO. (2024). Global Education Monitoring Report 2024: Aid to Education: Time for tough decisions. *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.* https://www.unesco.org/gem-report/en

United Nations Children's Fund (UNICEF). (2022). Where are we on education recovery. Taking the Global Pulse of a RAPID Response. *Laporan UNICEF.* https://www.unicef.org/reports/where-are-we-on-education.

Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah & Nursafra Mohd Zhaffar (2020). Peranan Pentadbir sebagai Pencetus Penghasilan Inovasi dalam Kalangan Guru Inovatif Pendidikan Islam. *JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, 4*(1), 11-18.

Wan Nur Izzati Hazwani Kashfi, Norhayati Che Hat, Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman, Nurazan Mohmad Rouyan & Zaharah Hussin. (2022). Cabaran dan Permasalah Pembelajaran Murid B40 di Sekolah Rendah di Malaysia. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research, 2*(4), 17-28.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).